

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/1995**

April 1995

**BKT 471/4 - PROTOZOOLOGI PERUBATAN &
VETERINAR**

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah

1. Bincangkan teknik-teknik diagnosis dan ciri-ciri pengecaman bagi:
 - a) ameba saluran makanan manusia
 - b) malaria manusia dan haiwan

(20 markah)

2. Banding dan bezakan tripanosomiasis Afrika dan Amerika dengan tekanan pada aspek-aspek berikut:
 - a) kitar hidup parasit
 - b) patologi dan kawalan penyakit

(20 markah)

3. Tuliskan satu esei yang bertajuk "Sengkenit dan Peranannya dalam Infeksi Protozoa Lembu"

(20 markah)

4. Bincangkan perubahan-perubahan patologi yang berlaku dalam manusia apabila dijangkiti oleh:-
 - a) *Entamoeba histolytica*, dan
 - b) *Plasmodium falciparum*

(20 markah)

5. Cadangkan langkah-langkah kawalan bagi jangkitan:-
 - a) leishmaniasis
 - b) koksidiosis

(20 markah)

6. Tuliskan nota-nota pendek mengenai:-
 - a) sarkosist
 - b) trikomonas ayam
 - c) hemazoin
 - d) epimastigot

(20 markah)